

Ilmu dan kekuatan dapat pertahankan umat Islam — Dr. M

18/11/92

JITRA 17 Dis. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu umat Islam memberi penekanan kepada ilmu dan kekuatan memandangkan kedua-dua ciri itu penting untuk mempertahankan kedaulatan agama Islam dan penganutnya.

Menurutnya, kerajaan sendiri akan berusaha menanamkan kedua ciri ini di kalangan masyarakat Islam negara ini agar mereka berjaya demi kepentingan diri sendiri dan masyarakat Islam seluruhnya.

Perdana Menteri berucap merasmikan Seminar Pegawai-Pegawai Masjid/Jawatankuasa Qariah Peringkat Daerah Kubang Pasu di Masjid Al-Aala di sini pagi ini.

Seminar tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Seminar Peringkat Daerah Kubang Pasu dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Menurut Perdana Menteri, umat Islam tidak harus menumpukan kepada persiapan diri sendiri atau ibadat tertentu sahaja dengan mengabaikan aspek ilmu dan kekuatan.

"Ilmu dan kekuatan yang boleh menolong kita mempertahankan umat Islam sama ada di dalam negeri atau negara Islam lain yang jauh dari kita," kata beliau.

Beliau mengingatkan, sejajar dengan konsep Islam iaitu bersaudara, masyarakat Islam negara ini hendaklah jangan hanya mementingkan diri sendiri tanpa mengatmbil berat dan membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam keseluruhannya.

Katanya, untuk mencapai matlamat itu umat Islam memerlukan ilmu dan kekuatan yang boleh meletakkan umat

Islam setaraf dengan bangsa lain dan boleh mengatasi masalah dalam sebarang bidang tanpa bantuan bukan Islam.

Beliau kesal kerana kebelakangan ini umat Islam pada keseluruhannya ketinggalan dalam ilmu yang boleh menguatkan orang Islam, seperti ekonomi dan pertahanan.

"Akibatnya hendak berpeperang pun terpaksa membeli senjata dari orang lain dan jika tidak akan menjadi mangsa kerana tidak ada senjata untuk mempertahankan diri," kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu beliau menegaskan Wawasan 2020 bukanlah untuk mencari kekayaan dan menepuk dada bermegah kerana kekayaan tidak bererti jika tidak membantu orang lain.

"Tetapi jika tidak kaya pula, bagaimana kita boleh menolong orang lain," katanya lagi.

Menurutnya, penguasaan ilmu, kekuatan dan kekayaan adalah penting untuk mempertahankan agama.

Di samping itu, katanya, bangsa lain tidak akan hormat jika umat Islam berada dalam kemiskinan dan daif.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, umat Islam mestilah mengambil tempat dalam pembangunan negara dan mengikis sama sekali anggapan bahawa perkara lain tidak penting kecuali ibadah.

Beliau memberi contoh di zaman dahulu di mana umat Islam begitu mementingkan ilmu sehingga kebanyakan cerdik pandai dan cendekiawan dalam berbagai bidang adalah orang Islam.

Di samping itu, katanya, umat Islam dahulu juga begitu kuat sehingga mampu menjadi kuasa besar dan menakluki negara-negara lain di Eropah.

Bagaimanapun, kata beliau, umat Islam hari ini lemah sehingga jika dalam kesusahannya terpaksa meminta bantuan dari kuasa besar bukan Islam.

Menurut Perdana Menteri,

keadaan ini menjadikan negara Islam berkenaan terhutang budi dan tidak dapat bertindak dalam sesuatu hal tanpa persetujuan negara yang memberi pertolongan.

Beliau berkata, umat Islam

di negara ini bernasib baik dapat hidup selesa dibandingkan dengan di negara lain yang ditindas, kebuluran dan berperang sama sendiri.

Beliau bangga kerana walaupun rakyat Islam di negara

ini kecil dan Malaysia tidak kaya seperti setengah negara Islam lain, ia masih mampu memberi bantuan lebih banyak kepada negara-negara Islam yang ditimpa mala petaka.